KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 011.03.22 | MUKA SURAT | : | 20 |
| JABATAN | : | JMG | | | |



# 8 kenderaan rosak teruk dihempap bongkah batu

## Batuan jatuh dari bukit berhampiran di Pangsapuri Taman Bukit Permai



*Antara kenderaan yang rosak dihempap bongkah batu yang jatuh dari bukit berhampiran di Pangsapuri Taman Bukit Permai, Pandan Indah, awal pagi semalam.* (Foto ihsan PDRM)

**Kuala Lumpur:** Lapan kenderaan rosak teruk ditimpa bongkah batu yang jatuh dari bukit berhampiran di Pangsapuri Taman Bukit Permai, Pandan Indah, di sini, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak, berkata dalam kejadian pada jam 4.30 pagi itu, bongkah batu menghempap kenderaan terbabit yang diletakkan di kawasan parkir Blok 4 pangsapuri berkenaan.

"Tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Siasatan awal polis mendapati kejadian disebabkan bencana alam susulan hujan lebat dan angin kencang," katanya dalam kenyataan, malam kelmarin.

Mohamad Farouk berkata, laporan polis yang dibuat oleh pengadu dirujuk kepada agensi lain dan tiada kertas siasatan dibuka.

Beliau turut menasihati orang ramai supaya peka dengan keadaan cuaca dan tidak meletakkan kenderaan di bawah bukit atau pokok susulan kekerapan berlaku kejadian pokok tumbang atau tanah runtuh yang disebabkan angin kencang serta hujan lebat.

BERNAMA